

11 DEC 1997

TRI NAK BEKALKAN PERKHIDMATAN TELEKOM BERGERAK DI IRAN

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

TEHERAN, 11 Dis (Bernama) -- Technology Resources Industries Bhd (TRI) memperluaskan penceburan antarabangsanya dengan menandatangani satu perjanjian di sini Rabu lalu bagi membentuk sebuah syarikat usaha sama untuk membekalkan perkhidmatan telekomunikasi bergerak di Esfahan.

Penandatanganan perjanjian dengan Syarikat Telekomunikasi Esfahan (TCE) itu telah disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Naib Presiden Pertama Iran, Dr Hassan Ibrahim Habibi.

TRI akan memegang 49 peratus ekuiti manakala TCE, sebuah anak syarikat Syarikat Telekomunikasi Iran akan memegang baki 51 peratus.

Syarikat yang masih belum diberi nama ini, dijangka melancarkan perkhidmatannya awal tahun depan.

Pengerusi dan ketua eksekutif TRI Tan Sri Tajudin Ramli berkata syarikat usaha sama itu akan membolehkan TRI memeterai perjanjian saling sambungan dan perayauan dengan bandar-bandar lain di Iran.

"Kami telahpun melabur sebanyak AS\$23 juta di Iran dan ingin menambah lagi pelaburan kami," katanya pada upacara menandatangani perjanjian itu.

Di samping Malaysia, TRI juga menceburi perniagaan di Kemboja, Tanzania, China, Bangladesh, Kanada dan Amerika Syarikat.

Menteri Pos, Telegraf dan Telefon Iran Dr Mohamad Reza Aref mengalu-alukan usaha sama tersebut dan berkata projek itu boleh diperkenalkan di negara-negara Islam yang lain sebagai satu lambang kerjasama.

Rangkaian telefon bergerak Esfahan mempunyai keupayaan untuk memberi khidmat kepada 20,000 pelanggan, katanya. Dengan peningkatan keupayaan gelombang radio, asas pelanggan akan berkembang kepada 35,000.

Katanya pengalaman kedua-dua negara dalam melaksanakan usaha niaga dan projek telekomunikasi akan memberikan peluang kepada kedua-duanya untuk melabur di negara-negara lain.

Pada upacara menandatangani perjanjian itu, TRI telah diwakili oleh pengarah eksekutif/naib presiden eksekutif kumpulan Puan Wan Aishah Wan Hamid manakala pengarah urusan TCE Ali Nadipour menandatangani bagi pihak syarikatnya. -- BERNAMA

AZZ KY MA